3. Dr. Anderes Gui (Universitas Bina Nusantara, Indonesia)

Tajuk penyelidikan: **Predictive analytics of customer lifetime value: a case study on Starbucks Malaysia (RM 29,000)**

Ketua: Dr. Zetty Ain Kamaruzzaman (UMP)

Ahli:

1. Dr. Ahmad Afif Bin Ahmarofi (FSKM, UiTM Kedah)
2. Dr. Hamirahanim Abdul Rahman (UMP)
3. Prof. Madya Dr. Cheng Jack Kie (UMP)

Tajuk penyelidikan: **Development of a behavioral intervention model: improving the use of kaikaku project management (RM 14,500)**

Ketua: Dr. Lee Chia Kuang (UMP)

Ahli:

1. Dr. Ahmad Afif Bin Ahmarofi (FSKM, UiTM Kedah)
2. Dr. Ashraf Fauri @ Fauzi (UMP)
3. Dr. Zetty Ain Kamaruzzaman (UMP)



AKTIVITI FSKM SEPANJANG TAHUN 2022

AKTIVITI BERSAMA PELAJAR

AKTIVITI STAF

BENGGKEL/WEBINAR

**COLLABORATIVE TEACHING &
LATIHAN INDUSTRI**

KHIDMAT MASYARAKAT

AKTIVITI BERSAMA PELAJAR

1

**ANUGERAH DEKAN
FSKM**

2

IFTAR JAMAIE

3

**PA DAY POST
SYAWAL**

4

**PROGRAM
PERSEDIAAN
MENGHADIRI
TEMUDUGA**

5

**YOUTH
INNOVATION**

IFTAR JAMAIE BERSAMA PELAJAR FSKM

APR
2022

TARIKH: 21 APRIL 2022

MASA: 6.00 PETANG - 8.30 MALAM

TEMPAT: PERKARANGAN PUSAT ISLAM, UITM CAWANGAN KEDAH

K

elab Diploma Sains Komputer UiTM Kedah (CYCOM) Sesi 2021/2022 telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Emotional Well Being Programme: Iftar Jamaie Bersama Pelajar FSKM.

Majlis ini bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim sesama pelajar serta dapat bersua kenal sesama sendiri. Seterusnya, memberi peluang dan pengalaman kepada pelajar untuk berbuka puasa secara beramai-ramai serta dapat mengimarahkan lagi bulan Ramadhan dengan melakukan amalan-amalan sunat dan berbuka puasa bersama-sama.

Melalui program, ini para pelajar juga dapat meningkatkan kesedaran terhadap budaya melakukan amal ibadat di bulan Ramadhan serta konsep Qalbun Sakinah untuk terus tenang hati supaya sentiasa dapat berfikir dengan waras sebelum membuat sebarang keputusan.

Majlis ini diadakan di perkarangan Pusat Islam UiTM Cawangan Kedah. Hal ini berikutan dengan keberadaan semua pelajar Fakulti Sains Komputer dan Matematik yang berada di kampus. Lokasi yang dipilih dapat memberi peluang serta kemudahan kepada pelajar untuk menyertai majlis ini.

Majlis ini telah dilaksanakan pada 21 April 2022, bermula jam 6.00 petang sehingga 8.30 malam. Kesimpulannya, program ini memberi impak yang positif kepada para peserta khususnya merapatkan hubungan silaturrahim sesama pelajar fakulti serta mengimarahkan lagi bulan Ramadhan dengan melakukan amalan-amalan sunat dan berbuka puasa secara berjemaah. Secara keseluruhannya, program ini dapat meningkatkan kefahaman tentang ketenangan hati sebagai santapan rohani para pelajar.



PROGRAM PERSEDIAAN MENGHADIRI TEMUDUGA

MEI
2022

TARIKH: 20 MEI 2022


MASA: 9.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

TEMPAT: ATAS TALIAN (WEBEX)

Program ini diadakan bertujuan agar pelajar lebih bersedia ketika menghadiri sesi temuduga dan juga meningkatkan keyakinan diri pelajar ketika menghadiri sesi temuduga.


Objektif penganjuran program tersebut adalah mendedahkan pelajar tentang pentingnya membina personaliti dan mempersiapkan diri dengan segala kemahiran yang perlu untuk memasuki pasaran kerja.

Selain itu, ianya juga bertujuan melengkapkan diri pelajar dengan kemahiran, tatacara dan tips mencari kerja dan menghadapi temuduga supaya bakal graduan lebih berkeyakinan dan kompetitif dalam menghadapi persaingan dalam mendapatkan kerja selepas tamat pengajian di UiTM.



Disamping itu juga, dapat memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan cara penulisan resume yang efektif dan sesuai dengan kehendak semasa industri secara pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) daripada pihak alumni kepada pelajar.

Program ini juga bertujuan memberi tunjuk ajar dan panduan tentang struktur asas temuduga, persediaan menghadiri temuduga dan turut diberikan beberapa tips kunci kejayaan dalam temuduga. Hasilnya, program ini memberi impak yang positif kepada pelajar untuk menghadiri temuduga di masa hadapan selain perkongsian ilmu pengetahuan untuk mencapai kejayaan.



PA DAY & JAMUAN POST-SYAWAL FSKM

JUN
2022

TARIKH: 12 JUN 2022

MASA: 10.00 PAGI - 2.00 PETANG

TEMPAT: DEWAN SRI JERAI, UITM
CAWANGAN KEDAH



Fakulti Sains Komputer dan Matematik bersama Kelab Diploma Sains Komputer UiTM Kedah (CYCOM) Sesi 2021/2022 telah mengambil inisiatif untuk mengadakan program PA Day dan Jamuan Post-Syawal FSKM 2022.

Majlis ini bertujuan untuk memperkasakan peranan Penasihat Akademik melalui sesi pejumpaan dengan pelajar-pelajar di bawah seliaan masing-masing di samping untuk membantu komunikasi PA dan pelajar di bawah seliaan dalam menerangkan perkara-perkara berkaitan peranan dan bidang tugas pentadbiran pelajar untuk diambil perhatian dan tindakan melicinkan proses pembelajaran dan aktiviti akademik pelajar sepanjang pengajian pelajar.

Pada masa yang sama juga ia bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim antara penasihat akademik dan pelajar selain untuk meningkatkan tahap *Happiness Index* di kalangan warga fakulti dan pelajar.

Majlis ini diadakan di Dewan Seri Jerai, UiTM Kedah. Hal ini berikutan dengan keberadaan semua pelajar Fakulti Sains Komputer dan Matematik secara fizikal di kampus. Lokasi yang dipilih dapat memberi peluang serta kemudahan kepada pelajar untuk menyertai majlis ini.



Kesimpulannya, program ini memberi impak yang positif kepada para peserta khususnya, untuk berkenalan secara bersemuka dengan penasihat akademik masing-masing. Ianya juga membantu meningkatkan komunikasi PA dan pelajar di bawah seliaan serta meningkatkan keyakinan diri pelajar.

ANUGERAH DEKAN FSKM

JUL
2022

TARIKH: 6 JULAI 2022

MASA: 7.30 - 10.00 MALAM

TEMPAT: DEWAN SERI JERAI, UiTM CAWANGAN KEDAH

W

akil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) UiTM Cawangan Kedah bagi Sesi 2021/2022 bersama dengan

kerjasama Kelab Diploma Sains Komputer (CYCOM) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Majlis Anugerah Dekan Fakulti Sains Komputer dan Matematik.

Majlis ini telah dijalankan secara bersemuka bertempat di Dewan Seri Jerai UiTM Cawangan Kedah pada 6 Julai 2022, bermula jam 7.30 malam sehingga 10.00 malam mengikut tentatif yang telah dirancang.

Program ini dianjurkan sebagai tanda penghargaan daripada pihak fakulti kepada pelajar sesi Oktober 2021 – Februari 2022 yang mencapai keputusan akademik yang cemerlang. Program ini juga diharap dapat menyuntik semangat pelajar untuk meneruskan momentum kecemerlangan serta meningkatkan prestasi akademik pada semester akan datang.

Majlis ini turut dihadiri oleh para pensyarah yang turut meraikan seramai 97 penerima anugerah dekan yang terdiri daripada 35 pelajar bahagian 4, seorang pelajar bahagian 3 dan 61 pelajar bahagian dua telah diraikan pada program tersebut.



YOUTH INNOVATION FINAL PROJECT PRESENTATION ISP250 & CSC264

JUL
2022

TARIKH: 13 JULAI 2022

MASA: 12.00 TENGAH HARI - 6.00
PETANG

TEMPAT: DEWAN SRI JERAI,
UITM CAWANGAN KEDAH

K

elab Diploma Sains Komputer (CYCOM) telah menjalankan inisiatif untuk menjalankan program yang diberi nama *Youth Innovation Final Project*

Presentation (ISP250 dan CSC264).

Program ini telah berlangsung pada 13 Julai 2022 bermula pada pukul 12.00 tengah hari sehingga 6.00 petang yang bertempat di Dewan Sri Jerai, UiTM Cawangan Kedah.

Program ini disertai oleh 98 orang pelajar bahagian 4. Program ini berbentuk pertandingan yang mencabar bakat serta kemahiran kreatif dan inovatif dalam membina struktur laman web dan juga aplikasi mudah alih yang diadakan pada peringkat fakulti.

Pertandingan ini dijalankan bagi menyediakan sebuah platform pembentangan produk akhir pelajar yang kondusif bagi membolehkan pelajar terlibat dalam program Inovasi dan Teknologi di peringkat IPT. Kesimpulannya, program ini memberi impak yang positif kepada para peserta khususnya, supaya dapat mengaplikasikan ilmu yang diajar semasa kursus walaupun selepas tamat pembelajaran.



AKTIVITI STAF



1

**'STRIKE OR SPARE'
FAKULTI SAINS
KOMPUTER DAN
MATEMATIK**



2

**HAPPY WALK FSKM
2022**



3

**SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL
PERINGKAT UiTM
CAWANGAN KEDAH**

SEP
2022

'STRIKE OR SPARE' FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

TARIKH: 12 SEPTEMBER 2022

MASA: 2.00 - 5.30 PETANG

TEMPAT: PARK AVENUE BOWLING CENTRE: SEJATI SUPERBOWL,
SUNGAI PETANI

Program ini bertujuan untuk memantapkan profesionalisme dan memupuk sifat kerjasama, keyakinan diri, semangat berpasukan, ketahanan fizikal mental serta kerohanian di kalangan pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTM Cawangan Kedah.

Antara objektif program ini adalah untuk memupuk sifat kerjasama, semangat berpasukan, kepimpinan, disiplin, keyakinan diri, keberanian, toleransi, ketahanan fizikal mental serta kerohanian di kalangan pensyarah FSKM, merapatkan hubungan silaturrahim di antara pensyarah FSKM dan meningkatkan Happiness Index di kalangan pensyarah FSKM.

Penyertaan adalah seramai 30 orang pensyarah FSKM dan pemenang dibahagikan kepada dua kategori (Individu dan berkumpulan). Maklum balas program adalah amat baik dan rata-rata pensyarah berharap aktiviti seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan.



TARIKH: 17 SEPTEMBER 2022

MASA: 2.30 - 10.30 PAGI

TEMPAT: TREK DAMAI PARK & CANDI LEMBAH BUJANG

Aktiviti Happy Walk FSKM bertujuan untuk memantapkan profesionalisme dan memupuk sifat kerjasama, keyakinan diri, semangat berpasukan, ketahanan fizikal mental serta kerohanian di kalangan pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Kedah.

Seramai 30 orang pensyarah telah menyertai aktiviti ini. Antara objektifnya adalah meningkatkan *Happiness Index* dikalangan pensyarah. Selain itu, melalui aktiviti ini ianya dapat menghayati kebesaran dan mensyukuri nikmat kurniaan Allah SWT menerusi keindahan alam.

Ianya juga bermatlamat ke arah memperkasakan dan memperbaharui motivasi pendidik untuk menghadapi cabaran dalam dunia akademik. Selain daripada itu program ini adalah juga untuk meningkatkan dan mengharmonikan hubungan silaturrahim sesama pensyarah.



OKT
2022

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT UITM CAW. KEDAH

TARIKH: 31 OKTOBER 2022

MASA: 8.00 PAGI 12.00 TENGAH HARI

TEMPAT: DATARAN ILMU & DEWAN PERDANA, UITM CAWANGAN KEDAH

Sempena hari Maulidur Rasul bagi tahun 2022 bersamaan 1444H, sambutan Maulidur Rasul anjuran Unit Hal Ehwal Islam UiTM Kedah telah diadakan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah perarakan sambil berselawat yang dimulakan di Dataran Ilmu dan berakhir di Dewan Perdana. Perarakan ini disertai oleh kakitangan dan pelajar daripada semua fakulti, bahagian, unit, kelab dan persatuan.

Semasa sesi perarakan, staf Fakulti Sains Komputer dan Matematik berarak secara berkumpulan bersama dengan staf Fakulti Pengurusan Maklumat. Seramai 6 staf FSKM terlibat dalam sesi perarakan tersebut. Selepas selesai sesi perarakan, sesi berselawat dijalankan yang diketuai oleh staf dari Unit Hal Ehwal Islam dan diikuti dengan ucapan oleh rektor UiTM Kedah.

Selepas itu, upacara penyampaian hadiah sempena perarakan turut diadakan. Kumpulan perarakan Fakulti Sains Komputer dan Matematik bersama-sama dengan Fakulti Pengurusan Maklumat berjaya memenangi hadiah untuk kategori sepanduk paling kreatif.



BENGKEL / WEBINAR

1

**BENGKEL PENULISAN
LAB MANUAL CSC134**

2

**BENGKEL SKOR 'A'
CALCULUS 1 (MAT183)**

3

DATA ANALYSIS

4


**MENTOR MENTEE
MAT133**

5

**PROGRAM MENTOR
MENTEE DISCRETE
MATH (MAT210)**

6

**PROGRAM JAVA
FOUNDATION**



MENTOR MENTEE PRE CALCULUS (MAT133)

JAN
2022

7 & 28 JANUARI 2022

9.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

WEBEX & GOOGLE MEET

Kursus Pre Calculus (MAT133) merupakan kursus yang wajib diambil oleh pelajar semester pertama UiTM Cawangan Kedah yang mendaftar dalam program Diploma Sains Komputer. Program mentor mentee ini melibatkan interaksi sesama rakan sekelas dengan pemantauan fasilitator, dalam membimbing serta membantu pelajar-pelajar.

Setiap kelas dibahagikan kepada 4 kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai seorang mentor. Program mentor-mentee yang diadakan ini akan melibatkan sejumlah 24 orang mentor yang terdiri daripada pelajar Semester 1 Oktober 2021 yang dikenalpasti dan 97 orang mentee (pelajar Semester 1 Oktober 2021).

Terdapat empat orang fasilitator dilantik dan di antara tugas fasilitator adalah menyediakan bahan latihan untuk diberikan kepada pelajar dan memantau aktiviti setiap kumpulan yang ditetapkan. Kesemua 24 orang mentor pula akan melaksanakan tugas perbincangan di samping membantu ahli kumpulan yang memerlukan perhatian.

Melalui maklum balas yang diberikan, majoriti pelajar memberikan respon positif terhadap program mentor-mentee ini. Kesemua peserta dan mentor memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang program berlangsung.

The image displays a collage of educational materials. At the top, a PDF document titled 'WOLFRAM EXERCISE.pdf' is shown, containing several math problems. The first problem asks to find the range and domain of composite functions. The second problem asks to plot various functions, including linear, circle, and parabola equations. The third problem asks to graph a system of inequalities and shade the feasible region. Below the PDF, there are two hand-drawn solutions. The first solution shows the steps to solve a system of linear equations: $3y + z = 6$, $4y - 4z = 20$, and $-y + 5z = -14$. The second solution shows the steps to solve a system of inequalities: $-4y - 2z = 14$, $y^2 + 4z = 0$, and $-z = 0$. The final part of the collage shows a hand-drawn graph of a shaded region in the first quadrant, bounded by the lines $3y + z = 6$ and $4y - 4z = 20$.





PROGRAM MENTOR MENTEE DISCRETE MATH (MAT210)

JAN
2022

28 JANUARI 2022
GOOGLE MEET

Program ini dianjurkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Kedah menerusi platform Google Meet. Program ini diadakan bertujuan untuk membimbing pelajar yang lemah untuk lulus dalam subjek ini dan melatih para pelajar untuk menjawab soalan berdasarkan kehendak soalan peperiksaan akhir. Seramai 11 orang pelajar telah dipilih sebagai mentor bagi mengendalikan pelajar-pelajar lain (mentee) di dalam kumpulan yang telah dibahagikan oleh pensyarah kelas masing-masing. Pemilihan mentor ini berdasarkan markah pelajar yang cemerlang dalam Ujian Penilaian Satu dan Ujian Penilaian Dua.

Program Mentor Mentee ini dibahagikan kepada dua slot untuk membincangkan dua topik yang berbeza dan setiap slot diperuntukkan selama satu jam. Antara topik yang dibincangkan adalah *Fundamental of Logics* dan *Basic Number Theory*. Jumlah penyertaan mentee bagi program ini adalah seramai 103 orang pelajar. Semasa sesi berlangsung, mentor-mentor sangat komited dalam berkongsi idea dan cara penyelesaian kepada soalan-soalan yang disediakan untuk mentee mereka. Selain itu, mentee juga telah memainkan peranan yang penting semasa program berjalan dengan kerap bertanya sekiranya terdapat sebarang kekeliruan berkenaan soalan yang diberikan. Impaknya, program ini telah berjaya memberikan pendedahan awal kepada para pelajar sebelum menduduki peperiksaan akhir.



BENGKEL DATA VISUALIZATION USING TABLEAU

MEI
2022

30 & 31 MEI 2022



8.30 PAGI - 4.30 PETANG

GOOGLE MEET

Sebagai pengenalan, perisian Tableau merupakan enjin analitik visual yang memudahkan penganalisis (termasuk bukan teknikal) untuk menukar data kepada grafik yang boleh difahami dan interaktif. Perisian Tableau dapat membantu menganalisis dan memahami data dengan jumlah yang besar dan kompleks.

Objektif penganjuran Bengkel Data Visualization using Tableau adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada peserta dalam menggunakan perisian Tableau untuk tujuan visualisasi data, memberi latihan amali kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran dalam menggunakan perisian Tableau dan membantu UiTM Cawangan Kedah mencapai PI124 (Income generation).

Seramai 20 orang peserta telah menghadiri bengkel ini. Bengkel ini juga mampu menjana pendapatan fakulti sebanyak RM2,284.30.



PROGRAM JAVA FOUNDATION: FROM C++ TO JAVA

JUN
2022

10 JUN 2022




8.30 PAGI - 11.30 PAGI

WEBEX

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai perbezaan C++ dan Java dengan membuat perbandingan *side by side* mengenai dua bahasa pengaturcaraan berbeza serta memberi pendedahan dalam menggunakan perisian yang dipelajari pada semester tersebut.

Objektif penganjuran program tersebut adalah untuk memantapkan kemahiran asas programming di kalangan pelajar Diploma Sains Komputer, memberi pendedahan kepada para pelajar dalam menggunakan perisian yang dipelajari pada semester tersebut dan memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelajar cara menukarkan C++ kepada Java dengan lebih mudah.

Di akhir program ini, pelbagai ilmu pengetahuan yang dapat dipelajari oleh para pelajar dan pelajar dapat meneroka kaedah yang lebih mudah untuk mempelajari C++ dan Java.



BENGKEL DATA ANALYSIS USING SPSS: MULTIPLE LINEAR REGRESSION

JUN
2022

25 JUN 2022





8.30 PAGI - 5.00 PETANG

GOOGLE MEET

Bengkel Data Analysis using SPSS: Multiple Linear Regression ini telah dianjurkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Kedah. Program ini bertujuan memberi pendedahan, kefahaman serta latihan amali kepada para peserta dalam penggunaan perisian SPSS dan analisis data dengan kaedah Multiple Linear Regression.

Seramai 44 orang peserta terlibat dalam bengkel ini dimana, penceramahnya terdiri daripada 2 orang pensyarah matematik UiTM Cawangan kedah iaitu Puan Norashikin Nasaruddin (sesi 1) dan Encik Kamarul Ariffin Mansor (sesi 2).

Hasil dapatan maklum balas para peserta mengenai bengkel ini adalah sangat positif kerana pengetahuan ini dapat diaplikasikan di dalam bidang penyelidikan dan kajian mereka. Kesimpulannya, diharapkan program bersifat ilmiah ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang supaya ianya dapat memberi manfaat khususnya kepada para pelajar dan penyelidik sekaligus membantu UiTM Cawangan Kedah mencapai PII16.



Bengkel ini telah mendapat pendapatan bersih sebanyak RM1,800 bagi kedua-dua sesi.

BENGKEL SKOR 'A' CALCULUS 1 (MAT183)

JUL
2022

23 JULAI 2022

9.30 PAGI - 4.00 PETANG

GOOGLE MEET


Kursus Calculus 1 (MAT183) merupakan subjek yang mempunyai kadar peratusan kegagalan yang tinggi di seluruh sistem UiTM.

Namun, UiTM Cawangan Kedah sehingga kini mampu mencapai keputusan yang membanggakan (peratusan kegagalan yang rendah) berbanding dengan UiTM kampus yang lain.

Melalui keputusan ujian dan peperiksaan yang lalu, melalui bengkel dan kaedah mentor-mentee, pencapaian pelajar bagi subjek ini meningkat dengan sangat baik.

Oleh yang demikian, demi membantu pelajar memahami topik-topik yang terkandung di dalam kursus ini dengan lebih baik, maka bengkel ini diadakan.

Diharapkan daripada penganjuran bengkel ini dapat membantu memastikan semua pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam kursus Calculus 1 (MAT183) dan dapat melatih para pelajar untuk menjawab soalan berdasarkan kehendak soalan peperiksaan akhir dan skema pemarkahan.



BENGKEL PENULISAN LAB MANUAL CSC134

OKT
2022

19 OKTOBER 2022
9.00 PAGI - 5.00 PETANG
HOTEL UITM CAWANGAN
PULAU PINANG

Bengkel Penulisan Lab Manual CSC134 dilaksanakan adalah bertujuan untuk menghasilkan lab manual yang akan digunapakai oleh pelajar yang mengambil kod kursus CSC134.

Bengkel ini disertai oleh 14 orang pensyarah dengan kos anggaran sebanyak RM1260 di Hotel UiTM Pulau Pinang dan diketuai oleh Ts. Dr. Nurul Husna Mahadzir selaku pengarah program.

Diharapkan dengan adanya bengkel ini, lab manual dapat diterbitkan dengan lancar untuk kegunaan para pelajar dan pensyarah yang mengajar kod kursus ini.



COLLABORATIVE TEACHING & LATIHAN INDUSTRI

1

**CGCT WEBINAR
MAT133**

2

**COLLABORATIVE
TEACHING MAT183**

3

CT FOR ICT200

4

CT FOR CT056

5

**WEBINAR WEB
AUTHORING
TOOLS**

6

CT FOR ITT270

7

**LATIHAN
INDUSTRI**

DIS
2022



CGCT MAT133: WEBINAR SYSTEM OF EQUATIONS AND INEQUALITIES

8 & 14 DISEMBER 2022 | 8.30 - 10.00 MALAM | MICROSOFT TEAMS

Program ini merupakan satu perkongsian ilmu daripada pakar bidang matematik khususnya bagi subjek MAT133 (Precalculus) kepada para pelajar jurusan Sains Komputer semester 1, UiTM Cawangan Kedah. Program ini adalah kolaborasi pengajaran bersama dua orang penceramah tamu, iaitu Dr. Sharena Mohamad Isa (UniKL MIDI) dan Dr. Azmirul Ashaari (UTM, Skudai).

Seramai 202 orang pelajar yang mengambil kursus MAT133 telah terlibat dalam webinar ini. Program ini adalah salah satu inisiatif dalam membantu pelajar menambah ilmu pengetahuan di dalam topik *System of Equations and Inequalities* serta membantu UiTM Cawangan Kedah mencapai PI006.

Hasil dapatan maklum balas para peserta mengenai webinar ini adalah sangat positif. Justeru itu, diharapkan program bersifat ilmiah sebegini harus diteruskan pada akan datang dengan melibatkan lebih banyak kolaborasi bersama universiti luar bagi menarik minat para pelajar terutamanya terhadap subjek-subjek kritikal.





12 & 26 JUN 2022 | 8.00 - 10.00 MALAM | GOOGLE MEET

”

Melibatkan 70 orang pelajar bahagian 2 Diploma Sains Komputer yang mengambil kursus Calculus 1

”



Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Sains Matematik dan Statistik, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Kedah yang melibatkan kolaborasi dan pengkongsian ilmu dari 2 orang pensyarah iaitu Dr. Norliana Mohd Najib dan Cik Fazillah Bosli. Program ini adalah salah satu usaha untuk menarik minat serta membantu pelajar dalam menguasai topik *Integration* dan *Application of Integration*. Maklum balas yang telah diterima daripada para pelajar yang terlibat dengan program ini adalah positif dan berharap program ini dapat diteruskan pada semester akan datang.



TARIKH: SEMESTER 20222

TEMPAT: UiTM CAWANGAN KEDAH

Collaborative Teaching bagi kod kursus Information System Development (ISP250) untuk kategori penyampaian (delivery) dan penilaian (assessment) telah dijalankan pada semester Mac 2022 - Ogos 2022 yang diketuai oleh pensyarah kanan FSKM iaitu Puan Siti Nur Baya dan En Suhardi. Collaborative Teaching ini telah dilaksanakan pada minggu ke-3 bagi kategori penyampaian (delivery) dan pada minggu ke-14 bagi kategori penilaian (assessment) dan aktiviti yang dilakukan adalah pembentangan projek akhir yang melibatkan 98 pelajar CS110. Mereka telah dibahagikan kepada 26 kumpulan dan 26 projek masing-masing. Setiap projek adalah merangkumi web-based system dan mobile application di mana projek ini menggunakan pelbagai jenis bahasa pengaturcaraan seperti HTML, JavaScript, PHP, App Inventor, tools (XAMPP, Notepad++, Visual Studio Code, PHPMyAdmin) dan RDMS (MySQL, TinyDB). Diharapkan, program ini dapat menggalakkan para pelajar untuk terus berinovasi mengikut arus teknologi pintar di masa hadapan.



”

Program ini juga adalah kolaborasi bersama MASMED UiTM Kedah dan MASMED telah bermurah hati memberikan tajaan sebanyak RM1700 untuk pemenang-pemenang bagi program ini.

”



15 NOVEMBER 2022 | 8.30 - 10.00 MALAM | GOOGLE MEET



Projek ini disertai oleh 3 orang pensyarah dari UiTM Kedah dan seorang pensyarah dari UiTM Perak. Seorang pensyarah tamu dari UOW Malaysia KDU Penang University College turut diundang iaitu En Muhammad Khairul Zharif bin Nor A'zam.

Seramai 117 orang pelajar telah turut serta dalam projek collaborative teaching ini. Objektif program ini adalah untuk membantu pelajar menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran dari pensyarah jemputan.

Selain itu, pensyarah dapat berkongsi kepakaran dari kampus cawangan yang berbeza dan universiti tempatan yang lain. Berdasarkan soal selidik yg dijalankan, majoriti pelajar sangat berpuas hati dan seronok dengan aktiviti collaborative teaching ini.



JUN
2022





WEBINAR WEB AUTHORIZING TOOLS: CREATE YOUR OWN WEBSITE

27 JUN 2022 | 8.30 - 10.00 MALAM | GOOGLE MEET

Program ini memfokuskan kepada sesi perkongsian ilmu daripada pakar bidang. Penganjuran program ini memberi peluang kepada para pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran menghasilkan laman sesawang menggunakan aplikasi wix.com.

Objektif program adalah untuk membantu pelajar menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan laman sesawang menggunakan aplikasi wix.com, pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran yang diperoleh menerusi sesi perkongsian untuk melengkapkan tugas dan projek berkumpulan dan membantu UiTM Cawangan Kedah mencapai PI006 (Percentage of GOT students, Undergraduate).

Seorang penceramah berpengalaman dari MRSM Merbok iaitu Encik Mohd Azrul Che Mustapha yang merupakan Microsoft Innovative Educator Master Trainer telah dijemput bagi mengendalikan webinar ini. Jumlah penyertaan pelajar bagi webinar ini adalah seramai 68 orang pelajar AM110 semester 1 (KAM1101A, KAM1101B, KAM1101C). Pelajar memberikan maklum balas yang positif berkaitan webinar ini. Antara maklum balas yang diterima, webinar ini memberi dan meningkatkan pengetahuan mereka untuk membangunkan laman sesawang. Ilmu pengetahuan daripada webinar ini juga sangat berguna untuk digunakan dalam tugas harian mereka.



TARIKH: SEMESTER 20222

TEMPAT: UiTM CAWANGAN KEDAH

kolaborasi ITT270 semester 20222 ini melibatkan 2 orang pensyarah ITT270 iaitu Dr. Taniza Tajuddin dan Puan Shaifizat Mansor, Encik Suhardi Hamid selaku penceramah Bengkel IoT, dari UiTM Kedah dan Dr. Engr. Ts. Raja Zahilah Binti Raja Mohd. Radzi, Pensyarah Kanan, School of Computing, Faculty of Engineering, UTM Johor Bahru yang mempunyai kepakaran dalam IoT.

Seramai 67 orang pelajar Diploma Sains Komputer (CS110) Semester 3 yang mengambil kursus ITT270 terlibat dalam program Webinar & Bengkel IoT: "Challenges In Development Of Internet Of Things Project" ini. Program ini berlangsung pada 22 Disember 2022 menerusi platform Webex dan sesi bengkel di Makmal 'Big Data'.

Program ini memfokuskan kepada sesi perkongsian ilmu daripada pakar bidang. Penganjuran program ini memberi peluang kepada para pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan dalam bidang 'Internet of Things' yang menggunakan teknologi internet bagi pengumpulan dan perpindahan data. Konsep IoT melibatkan peralatan, mesin, sensor dan peranti yang diprogramkan untuk membolehkan komunikasi secara langsung atau tidak langsung melalui Internet.

Sesi bengkel diadakan untuk memberi kemahiran dalam menggunakan IoT secara praktikal bagi berinteraksi dengan manusia atau mesin dengan mesin, manakala sesi Webinar melibatkan perkongsian dan pengalaman penceramah yang mempunyai kepakaran dalam IoT.



NOV
2022

LATIHAN INDUSTRI: UNIVERSITI THEPSATRI RAJABHAT, THAILAND


24 NOVEMBER 2022 - 22 FEBRUARI 2023

Tiga orang pelajar daripada program Diploma Sains Komputer di Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Kedah, telah terpilih untuk menjalani latihan praktikal di Universiti Thepsatri Rajabhat (TRU) di Thailand. Latihan praktikal ini bermula pada 24 November 2022 sehingga 22 Februari 2023. Pelajar-pelajar yang terpilih adalah Amiruddin Qhadri Bin Ishak (2020491396), Muhammad Azzem Bin Halmi (2020852262), dan Muhammad Faliq Bin Fhazillah (2020460636). Dana mobiliti mereka dibiayai oleh Department of International Affairs (DIA) UiTM Shah Alam. Pelajar-pelajar yang terlibat telah diberikan pendedahan oleh pensyarah-pensyarah TRU dalam bidang robotik, pembelajaran mesin, pembangunan sistem aplikasi, dan pembangunan laman web. Selain itu, pelajar-pelajar juga dapat merasai pengalaman yang menarik dengan menyambut perayaan festival budaya Thailand seperti Festival Raja Narai. Peluang untuk menjalani latihan praktikal di TRU amatlah berharga dan diharapkan kerjasama ini harus diteruskan di masa depan. Terima kasih banyak kepada DIA dan TRU di atas sokongan yang diberikan.





1 FSKM4U 8.0



2 STEM

APRIL
2022

PROGRAM FSKM4U 8.0: IHYA' RAMADHAN

TARIKH: 24 - 25 APRIL 2022

MASA: 2.30 PETANG

TEMPAT: DEWAN SERI JERAI,
UiTM CAWANGAN KEDAH

”

Alhamdulillah, jumlah
sumbangan yang
diterima pada kali ini
adalah sebanyak RM
18,440.50.

”

Berikutan kejayaan 7 tahun berturut-turut dalam penganjuran program kemasyarakatan FSKM4U, FSKM UiTM Cawangan Kedah sekali lagi telah menganjurkan FSKM4U 8.0: IHYA' RAMADHAN bersempena bulan Ramadhan Al-Mubarak pada tahun ini. Antara objektif program adalah mengumpulkan dana sumbangan sebanyak RM 10,000.00, menanam sifat keinsafan, bersyukur, saling bantu-membantu, saling berkongsi rezeki dan rendah diri dalam jiwa setiap warga fakulti, melahirkan warga kerja yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan akhir sekali merapatkan ukhuwah sesama Muslim. Bentuk sumbangan yang dihulurkan kepada golongan sasaran program adalah berupa wang tunai dan makanan kering.



Sumbangan diadakan pada 24 April 2022 (pekerja am dan pembersihan) dan 25 April 2022 (wakil pekerja am dan pembersihan, staf asnaf, pelajar CS110 dan wakil Pusat Dalam Komuniti Bedong). Program ini telah mencapai objektif-objektif yang ditetapkan dan yang paling utama, dapat membantu sesama insan di bulan Ramadhan yang mulia ini dengan kegembiraan dikongsi bersama mereka yang memerlukan.

PROGRAM KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM): 'YOUNG SCIENTIST PIONEER (YSP)'



TARIKH: 4 - 7 DISEMBER 2022

TEMPAT: SK MERBOK, SK LANGKASUKA
DAN SK SINGKIR, KEDAH

Susulan menerima jemputan bertarikh 8 November 2022 dari Kolej Datin Seri Indon, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk mengadakan kolaborasi menjalankan satu program top bidder yang membawa konsep STEM, FSKM UiTM Cawangan Kedah telah mengambil inisiatif untuk mengadakan 'Program Kolaborasi Dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM): 'Young Scientist Pioneer (YSP)'. Beberapa aktiviti akan dijalankan bagi memperkenalkan STEM secara meluas di kalangan pelajar di sekolah dan memberi galakan untuk para pelajar mempelajari sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dengan cara yang menyeronokkan dan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan.

Program ini juga secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada pelajar FSKM untuk menimba pengalaman mengendalikan program berasaskan STEM dan mengasah kemahiran komunikasi yang berkesan dengan masyarakat luar.

”

Program ini berlangsung selama 3 hari iaitu pada 4-7 Disember 2022, yang melibatkan pasukan dari Universiti Teknologi Malaysia seramai 27 orang dan 30 orang fasilitator dari FSKM, UiTM Kedah kepada 3 buah sekolah sekitar UiTM Kedah iaitu SK Merbok, SK Langkasuka dan SK Singkir.

”



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

LAPORAN TAHUNAN 2022

FSKM UiTM
CAWANGAN KEDAH

eISSN 2821-3521



9 7 7 2 8 2 1 3 5 2 0 0 2